

UPM sedia bersaing di pentas antarabangsa

PENUBUHAN Universiti Putra Malaysia (UPM) mula dikesan sejak penubuhan Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1931, berkeluasan 8.8 hektar di kawasan Serdang, Selangor yang memberi tumpuan dan penekanan kepada bidang pertanian di Tanah Melayu.

Bermulanya kenaikan taraf kepada Kolej Pertanian Malaya pada 3 Jun 1947, kece-merlangan kolej ini semakin mendapat perhatian sehingga timbul cadangan untuk menaikkan taraf kolej ini menjadi sebuah universiti.

Penubuhan Universiti Pertanian Malaysia 1971, akhirnya menjadi satu kenyataan dan telah diaktakan sebagai satu perintah perbadanan.

Pertukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia pada 3 April 1997 merupakan satu lagi sejarah yang membawa perubahan kepada landskap pengajian tinggi negara dan meletakkan universiti ini sebagai destinasi pendidikan yang membina modal insan yang cemerlang.

Lebih 77 tahun menelusuri perkhidmatan pengajian tinggi, UPM adalah sebahagian daripada legasi ilmu yang menjunjung keserjanaan untuk peradaban yang gemilang.

Berlandaskan kepada misi untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang unggul, UPM sentiasa menjana idea baru bagi merealisasikan peranan sebagai pencetus inovasi dan teknologi serta melahirkan pemikir yang kreatif dan inovatif sesuai dengan pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan pada 11 Oktober 2006 sebagai salah sebuah Universiti Penyelidikan di negara ini.

Kejayaan

- Bukan itu sahaja malah UPM turut mencipta pelbagai kejayaan dan antaranya ialah
- Technology Business Review: Excellence ASEAN Awards 2007 For Education Sector
 - Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (kategori Badan-badan Berkanun) bagi tahun 2007
 - Pemenang utama dua kategori dalam Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2008
 - Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan UPM diiktiraf oleh kerajaan menjadi Top Business School
 - Institut Biosains UPM telah diiktiraf oleh kerajaan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam kluster Sains Hayat
 - Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim telah dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Negara 2007
 - Prof. Madya Dr. Syed Omar Syed Rastan sebagai penerima Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk dalam Anugerah Akademik Negara 2007
 - Lima orang pelajar UPM telah terpilih mewakili negara ke Sukan Olimpik Beijing 2008
 - Seramai 48 orang daripada atlet negara dalam Sukan SEA ke-24 Korat, Thailand adalah merupakan pelajar UPM. Mereka bukan sahaja sekadar mewakili negara malah menyumbang 16 pingat emas, tujuh perak dan sembilan gangsa kepada kontinjen negara
 - Johan pertandingan Debat Bahasa Mandarin antara institusi pengajian tinggi (IPT) 2008 dan johan pertandingan Pidato Kemerdekaan IPT Malaysia 2008 kategori bahasa Melayu
 - Fakulti Perubatan Veterinar UPM adalah fakulti pertama di Malaysia dianugerahkan sijil akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan standard MS ISO/IEC MS 1705:2005 daripada Jabatan Standard Malaysia
 - Kedudukan sebagai institut pengajian tinggi (IPT) pertama di Malaysia dan ke-4 di Asia bagi pengguna Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) terbaik di antara institusi pengajian tinggi di Asia (kajian MIS Magazine 2007)
 - UPM dipilih menyertai projek penyelidikan angkasawan negara bertajuk Crystallization of Industrially Important Enzyme/Protein in Space

Cemerlang

Sementara itu, pelajar juga banyak menyumbang kepada pencapaian cemerlang UPM apabila berjaya meraih beberapa kejayaan seperti:

- Pertandingan Robogamez 2008 anjuran UNITEN-UPM juara kategori terbuka IPTA dan IPTS, menewaskan 128 pasukan yang terdiri daripada 32 pasukan dari sekolah sekitar Selangor, 64 pasukan dari IPTA dan IPTS serta 32 kumpulan UNITEN
- Pasukan hoki wanita UPM juara kejohanan antara Universiti Malaysia-Indonesia
- Kumpulan Nasyid Nahwan Nur johan festival Nasyid Kemerdekaan IPT Kebangsaan di Universiti Malaysia Perlis
- Mohd. Shamsul Salleh johan pertandingan Pidato Kemerdekaan IPT Malaysia 2008 bagi kategori bahasa Melayu
- Akademi Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 29 Ogos lalu, program PBMP, Fakulti Pengajian Pendidikan menjadi johan pertandingan melalui penyediaan kertas kritikan dan membentangkannya dalam acara seminar sebagaimana yang dilakukan oleh para sarjana sastera tanah air. Kertas kerja yang dimenangi bertajuk Konseptual Shanon Ahmad terhadap Kemungkaran melalui Tivi: Satu Analisis Berdasarkan Konseptual Kata Kunci

Kejayaan yang dilakar telah membuktikan bahawa universiti ini dan warganya diiktiraf bukan sahaja pada peringkat negara tetapi turut melangkaui sempadan antarabangsa.